

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**HOTEL CONCORDE, KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS PERASMIAN MINGGU PENYUSUAN IBU SEDUNIA 1994**  
**01 OGOS 1994**

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Penasihat Penyusuan Ibu Malaysia (PPPIM) kerana menjemput saya untuk merasmikan Minggu Penyusuan Ibu Sedunia 1994 peringkat negara pada hari ini.

2. Minggu Penyusuan Ibu Sedunia kini masuk tahun ketiga disambut di seluruh dunia. Untuk tahun ini, tema antarabangnya ialah 'Making International Code of Marketing of Breastmilk Substitute'. Kod ini bertujuan untuk mengawal pemasaran semua makanan gantian susu ibu termasuk susu formula.

3. Saya difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengeluarkan kod seperti yang dikeluarkan oleh WHO bersesuaian dengan keadaan tempatan. Dengan adanya kod ini diharapkan pemberian percuma dan pembelian susu berkos rendah tidak akan berlaku lagi di hospital-hospital bersalin di negara ini. Ini adalah kerana masih banyak lagi hospital yang memberikan susu formula sebagai makanan pertama bayi yang baru lahir dan tidak mengutamakan susu ibu. Amalan ini boleh menjejaskan penyusuan susu ibu dan juga kesihatan bayi yang berkenaan.

4. WHO dan UNICEF mengesyorkan agar bayi yang baru lahir diberikan susu ibu dalam masa 30 minit selepas kelahiran. Syor ini dikemukakan sebagai satu daripada sepuluh langkah untuk kejayaan penyusuan susu ibu. Satu kajian telah menunjukkan bahawa daya hisapan bayi dan keinginan menghisap adalah paling kuat dalam masa setengah jam hingga satu jam selepas kelahiran. Tanggungjawab mengalakkan ibu-ibu supaya menyusu bayi mereka secepat mungkin adalah terletak di bahu kakitangan hospital di tempat mereka bersalin terutamanya doktor dan jururawat.

5. Tanggungjawab itu pula dipikul oleh keluarga apabila si ibu itu pulang ke rumah. Dalam hal ini kaum bapa harus menggalakkan si ibu itu meneruskan penyusuan bayi dengan susu badan. Apakah kesan daripada penyusuan susu ibu? Saya rasa jawapannya menarik sekali iaitu tidak payah lagi sesiapa perlu bangun terutama si suami untuk menyiapkan susu formula iaitu memasak air, menyukat susu dan menentukan suhunya. Kadang-kadang si suami terpaksa bangun daripada tidur hingga 3 kali semalaman.

6. Banyak pantang larang dan amalan turun temurun yang boleh menjejaskan penyusuan susu ibu masih lagi diamalkan oleh masyarakat kita. Antaranya ialah menghadkan pengambilan air, minum minuman beralkohol dan membuang susu awal atau kolostrum. Masyarakat perlu diberi kesedaran mengenai mengapa pantang larang tersebut tidak patut diikuti dan seterusnya diberi maklumat mengenai amalan-amalan pemakanan yang baik yang dapat membantu ibu menyusukan bayinya.

7. Satu lagi dilema yang dihadapi dalam hal penyusuan bayi ini ialah soal masa. Ramai wanita di negara kita kini bekerja dan mereka memberi alasan tiada masa atau sibuk dengan tugas untuk tidak menyusukan bayi mereka. Dalam hal ini, majikan-majikan tempat si ibu bekerja hendaklah bertanggungjawab memberikan kelonggaran waktu kerja dan menyediakan kemudahan yang sesuai untuk mengalakkan penyusuan ibu di tempat kerja. Jika tidak dapat disediakan nurseri untuk ibu membawa bayinya ke tempat kerja, sekurang-kurangnya majikan dapat menyediakan tempat khas untuk ibu memerah susu mereka dan peti sejuk untuk menyimpan perahan susu ibu.

8. Memandangkan kejayaan penyusuan susu ibu bergantung kepada galakan dan dorongan banyak pihak, maka tema Minggu Penyusuan Ibu Sedunia 1994 peringkat kebangsaan iaitu 'Kejayaan Penyusuan Susu Ibu : Tanggungjawab Semua' adalah kena pada tempat dan waktunya.

9. Saya berharap melalui seminar, forum, ceramah dan pameran yang diadakan sepanjang minggu ini semua pihak akan sedar mengenai kepentingan penyusuan susu ibu dan peranan mereka dalam menjayakan penyusuan susu ibu. Seterusnya semua pihak harus bersatu tenaga dalam memberikan galakan dan sokongan sepenuhnya kepada setiap ibu untuk menyusukan bayinya dengan susu ibu.

10. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Minggu Penyusuan Ibu Sedunia 1994.